

**Wanita Umno Ikrar Sokong Musa Dan Reezal Untuk Jawatan MT Umno  
Bernama  
7 Sept, 2013**

KEPALA BATAS, 7 Sept (Bernama) -- Pergerakan Wanita Umno akan memberi sokongan kepada Setiausaha Umno Pulau Pinang Datuk Musa Sheikh Fadzir dan anggota Parlimen Kepala Batas Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican yang menawarkan diri bertanding jawatan Majlis Tertinggi (MT) parti, Oktober ini.

Ketuanya Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata sokongan tidak berbelah bagi itu adalah bagi memastikan kedua-dua calon berkenaan menang dan boleh membawa suara rakyat Pulau Pinang ke persada negara.

"Hari ini saya nak umumkan yang perwakilan Wanita berjanji akan memberi sokongan serta undi kepada dua pemimpin Umno dari Pulau Pinang iaitu Datuk Musa dan Datuk Seri Reezal yang menawarkan diri untuk MT.

"Kita semua tahu dua pemimpin itu mempunyai suara yang cukup lantang terutama dalam mempertahankan Umno serta nasib orang Melayu di Pulau Pinang," katanya semasa berucap pada Majlis Rumah Terbuka Hari Raya dan Sambutan Merdeka Wanita Umno Pulau Pinang, di perkarangan pejabat Umno Kepala Batas, di sini hari ini.

Sementara itu, Reezal yang hadir pada majlis itu menyatakan terima kasih kepada Shahrizat atas sokongan itu dan berharap perwakilan dari negeri-negeri lain dapat memberi sokongan kepadanya dan Musa.

Pada majlis itu, Wanita Umno Pulau Pinang yang dipimpin ketuanya Zabariah Abdul Wahab turut melafazkan ikrar menyatakan sokongan tidak berbelah-bahagi kepada Shahrizat dalam mengekalkan jawatan ketua pergerakan itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=975957>